

12 NOV 1999

Abdullah-pilihan raya

MAJIKAN PERLU BUAT PERSIAPAN AWAL HADAPI 29 NOV

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Majikan di seluruh negara diminta membuat persiapan awal untuk membolehkan pekerja mereka keluar mengundi pada 29 Nov ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata majikan tidak boleh melarang mana-mana pekerja mereka daripada keluar mengundi.

"Takkanlah majikan begitu degil sekali melarang sesiapa yang hendak pergi mengundi...tidak kenalah kalau ada majikan yang sebegitu sikapnya.

"Majikan sudah tahu lebih awal mengenai hari mengundi, jadi tentu sekali mereka boleh menjangka ramai orang akan keluar mengundi, tolonglah bantu buat persediaan awal untuk membolehkan rakyat pergi keluar mengundi," katanya ketika diminta mengulas mengenai tarikh hari mengundi selepas melancarkan Rumah Pangsa Kos Rendah Sri Penara di Bandar Sri Permaisuri, Cheras di sini.

Mengenai cadangan Cuepacs untuk mengemukakan rayuan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya 29 Nov diisytiharkan sebagai hari cuti bagi membolehkan kakitangan awam keluar mengundi, Abdullah berkata cadangan itu akan diberi perhatian.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) hari ini mengumumkan 29 Nov sebagai hari mengundi dan 20 Nov sebagai hari penamaan calon bagi pilihan raya umum ke-10.

Diminta mengulas mengenai laporan beberapa menteri, timbalan menteri dan juga menteri besar akan digugurkan, Abdullah berkata: "Yang berbentuk spekulasi saya tidak boleh cakap, saya tidak patut ulas. Sekarang ini ia (senarai calon) masih spekulasi."

Abdullah yang juga Naib Presiden Umno berkata pemimpin parti-parti komponen BN sudah sepakat mengenai siapa yang akan dinamakan sebagai calon parti dan siapa yang akan digugurkan.

"Semua sudah bermuafakat siapa yang dinamakan sebagai calon mesti diberi sokongan dan siapa yang diberhentikan diharapkan dapat berkhidmat dan membantu orang yang dicalonkan seperti mana semasa dia dicalonkan dulu, orang lain bekerja untuk dia, sekarang giliran dia pula (membantu calon lain)," katanya.

Beliau berkata semasa perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno mengenai calon yang akan bertanding, semua ketua badan perhubungan Umno negeri bersetuju bahawa tiada sesiapa pun patut menimbulkan masalah berhubung dengan calon-calon yang ditetapkan untuk bertanding dan juga yang akan diberhentikan.

"Tidak akan timbul masalah mengenai perkara ini," katanya.

Abdullah berkata calon yang akan bertanding atau yang digugur bukanlah satu perkara baru bagi BN kerana ia berlaku pada setiap kali pilihan raya.

"Sudah sembilan kali kita lalui proses ini dan jentera parti masih dapat bergerak dan akhirnya masih menang," katanya.

Mengenai tempoh kempen yang diberikan selama sembilan hari, beliau berkata ia mencukupi kerana sebelum pembubaran Parlimen diumumkan, sudah ada kempen pilihan raya dijalankan oleh parti-parti politik.

Ditanya bila manifesto BN akan diumumkan, Abdullah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Manifesto BN, berkata ia akan diumumkan apabila tiba masanya.

Abdullah berkata BN tidak perlu mengikut pihak lain bagi mengumumkan manifestonya.

-- BERNAMA
HS MAI